

PENTADBIRAN HARTA PUSAKA KECIL DI MALAYSIA: ANALISIS MEKANISME PEMBAHAGIAN DAN ISU PERUNDANGAN

*(Administration of Small Estates in Malaysia: An Analysis of
Distribution Mechanisms and Legal Issues)*

Noor Rashidah Ramli¹

rash4law@yahoo.com.sg

noorrashidah.ramli@live.iium.edu.my

Akmal Hidayah Halim²

akmalh@iium.edu.my

Kulliyyah Undang-undang Ahmad Ibrahim, Universiti Islam Antarabangsa
Malaysia, 50728 Kuala Lumpur, Malaysia.^{1&2}

Pengarang koresponden (Corresponding author):¹

Rujukan makalah ini (To cite this article): Noor Rashidah Ramli,
& Akmal Hidayah Halim. (2026). Pentadbiran harta pusaka kecil di
Malaysia: Analisis mekanisme pembahagian dan isu perundangan.
Kanun: Jurnal Undang-undang Malaysia, 38(2), 263–284. [https://doi.
org/10.37052/kanun.38\(2\)no3](https://doi.org/10.37052/kanun.38(2)no3)

Makalah ini telah melalui proses penilaian sulit berganda
(This article has undergone a double-blind peer review process)

Peroleh: Received:	18/11/2025	Semakan: Revised	28/6/2026	Terima: Accepted:	14/7/2026	Terbit dalam talian: Published online:	31/7/2026
-----------------------	------------	---------------------	-----------	----------------------	-----------	---	-----------

Abstrak

Kerajaan Persekutuan bertanggungjawab terhadap perkara probet dan pentadbiran harta pusaka sebagaimana yang termaktub dalam Perlembagaan Persekutuan. Bahagian Pengurusan Pusaka di bawah Jabatan Ketua Pengarah Tanah dan Galian (JKPTG) yang melaksanakan fungsi Akta Harta Pusaka Kecil (Pembahagian) 1955 [Akta 98] didapati mengurus majoriti petisyen permohonan pembahagian harta pusaka di Malaysia. Permasalahan kajian terdahulu sering mendasari isu kesukaran penyelesaian pusaka yang kompleks yang melibatkan kekeliruan perundangan, kekurangan kesedaran, sikap berlengah dan pertelingkahan antara waris. Namun begitu, isu berkenaan dengan proses dan mekanisme pembahagian di agensi pentadbiran pusaka

kurang diberikan perhatian sewajarnya. Oleh itu, pengkaji menganalisis mekanisme pembahagian dalam pentadbiran harta pusaka kecil yang digunakan secara umum (bagi harta pusaka si mati yang beragama Islam atau bukan Islam), termasuklah isu yang berhubung dengan penggunaan instrumen perancangan harta orang Islam dan isu tanah adat. Metodologi yang digunakan ialah kaedah kualitatif berasaskan doktrin kajian undang-undang daripada sumber primer dan sumber sekunder. Selain itu, temu bual turut dilakukan yang melibatkan dua wakil agensi di Bahagian Pengurusan Pusaka JKPTG Putrajaya dan Cawangan Pejabat Pembahagian Pusaka Negeri Sembilan. Hasil analisis mendapati bahawa terdapat tiga jenis mekanisme pembahagian dalam pentadbiran harta pusaka kecil, iaitu: (i) perintah pembahagian terus atau turun milik, (ii) perintah lantikan pentadbir atau surat kuasa mentadbir, dan (iii) perintah jualan. Dapatan kajian menunjukkan bahawa apa-apa pertikaian yang berlaku yang melibatkan instrumen perancangan harta atau yang berkaitan dengan hukum syarak hendaklah dirujuk dan diputuskan terlebih dahulu oleh mahkamah syariah, manakala isu yang berkaitan dengan tanah adat perlu ditentukan oleh pihak yang berautoriti mengikut negeri yang berkenaan. Hanya selepas isu berbangkit ini diputuskan, barulah pemilihan mekanisme pelaksanaan pembahagian harta pusaka si mati dapat ditentukan oleh Pegawai Pembahagian Pusaka.

Kata kunci: Akta Harta Pusaka Kecil (Pembahagian) 1955, mekanisme pembahagian, pentadbiran harta pusaka kecil, faraid, perintah pembahagian turun milik, surat kuasa mentadbir

Abstract

The Federal Government is responsible for matters relating to probate and administration of estates, as stipulated in the Federal Constitution. The Estate Distribution Division under the Department of Director General of Lands and Mines (JKPTG), which functions under the Small Estates (Distribution) Act 1955 [Act 98], is responsible for managing the majority of petitions for the distribution of estates in Malaysia. Previous studies often focused on the difficulties involved in resolving complex estate cases, including legal ambiguities, lack of awareness, delays and disputes among beneficiaries. However, issues concerning the processes and distribution mechanisms implemented by estate administration agencies have received insufficient attention. Accordingly, this study analyses the distribution mechanisms generally applied in the administration of the small estates involving the estates of both Muslims and non-Muslims, including issues relating

to the use of Islamic estate-planning instruments and customary land. This study adopts a qualitative approach based on doctrinal legal research involving both primary and secondary sources. Interviews were also conducted with two agency representatives from the Estate Distribution Division of JKPTG Putrajaya and Negeri Sembilan Estate Distribution office. The analysis identifies three distribution mechanisms in the administration of small estates: (i) an order for direct distribution or transfer of ownership; (ii) an order appointing an administrator or granting letters of administration; and (iii) an order for sale. The findings indicate that any dispute involving estate planning instruments or matters related to Islamic law must first be referred to and determined by the Syariah Court. Meanwhile, issues concerning customary land must be determined by the relevant authorities in accordance with the laws of the respective states. Once these issues have been resolved, the Estate Distribution Officer may determine the appropriate mechanism for administering and distributing the deceased's estate.

Keywords: Small Estates (Distribution) Act 1955, distribution mechanisms, small estates administration, faraid, transfer of ownership order, letters of administration

PENDAHULUAN

Bukti kewujudan manusia sering dikaitkan dengan perkara yang ditinggalkan selepas kematiannya. Dalam konteks harta, peninggalan si mati menjadi pusaka yang perlu ditadbir sehingga selesai pembahagiannya kepada waris yang berhak (Resali Muda, 2016).

Pentadbiran atau pengurusan harta pusaka di Malaysia tertakluk pada statut pemakaian umum yang memperuntukkan prosedur yang sama yang terpakai untuk semua pihak, sama ada bagi orang Islam atau orang bukan Islam. Secara umum, pusaka dibahagikan kepada dua kategori, iaitu dengan wasiat atau tanpa wasiat. Menurut Akmal Hidayah Halim (2018), harta pusaka si mati yang meninggalkan wasiat ditadbir berdasarkan Kaedah-kaedah Mahkamah 2012 yang dibaca bersama-sama dengan Akta Probet dan Pentadbiran 1959 [Akta 97]. Bagi harta pusaka si mati yang tidak berwasiat yang bernilai di bawah RM5 juta, pentadbirannya tertakluk pada Akta Harta Pusaka Kecil (Pembahagian) 1955 [Akta 98]. Seksyen 2 Akta Probet dan Pentadbiran merujuk takrifan “tidak berwasiat”, termasuklah orang yang meninggalkan wasiat, tetapi tidak berwasiat atas beberapa kepentingan yang bermanfaat dalam harta alih atau harta tidak alihnya. Seksyen 8(1) Akta Harta Pusaka Kecil pula

merujuk petisyen yang dikemukakan bagi harta pusaka si mati yang tidak berwasiat.

Pembahagian harta pusaka berwasiat bagi si mati bukan Islam tertakluk pada Akta Wasiat 1959 [Akta 346], iaitu undang-undang yang mengatur pembuatan wasiat di Malaysia Barat, namun tidak terpakai bagi wasiat yang dilakukan oleh orang Islam. Pembahagian harta pusaka si mati Islam dilakukan berdasarkan undang-undang pewarisan Islam, termasuklah perkara berkenaan dengan wasiat. Urusan harta pusaka orang Islam secara prinsipnya melibatkan peranan mahkamah syariah mengikut Enakmen Pentadbiran Agama Islam Negeri-negeri yang memerihalkan setiap isu perundangan pihak yang beragama Islam berdasarkan Senarai II, Jadual Ke-sembilan (Senarai Negeri) Perlembagaan Persekutuan. Perkara 121A Perlembagaan Persekutuan pula memperuntukkan autoriti mahkamah syariah yang tidak boleh dicampuri oleh mahkamah sivil untuk mendengar dan berbidang kuasa dalam aspek memutuskan segala tindakan atau prosiding yang berhubung dengan undang-undang diri si mati yang beragama Islam.

Secara asas, Perlembagaan Persekutuan di bawah Perkara 74(1) memberikan kuasa kepada Parlimen untuk menggubal undang-undang di bawah Senarai Persekutuan. Dengan berdasarkan senarai tersebut, bidang kuasa yang melibatkan pentadbiran harta pusaka, iaitu perkara probet dan surat kuasa mentadbir, berada di bawah senarai kuasa perundangan Persekutuan (rujuk Senarai I, Jadual Kesembilan). Dalam perkara ini, terdapat tiga agensi dengan bidang kuasa masing-masing yang melaksanakan pentadbiran harta pusaka di Malaysia. Pertama, mahkamah tinggi (sivil) yang berbidang kuasa dalam perkara berkenaan probet dan surat kuasa mentadbir di bawah Kaedah-kaedah Mahkamah 2012 dan Akta Probet dan Pentadbiran 1959 [Akta 97]. Bidang kuasa mahkamah ini ialah kategori harta yang berwasiat atau harta pusaka tidak berwasiat dengan nilainya melebihi RM5 juta (bukan harta pusaka kecil). Kedua, Jabatan Ketua Pengarah Tanah dan Galian Persekutuan (JKPTG) melalui Bahagian Pembahagian Pusaka yang mempunyai bidang kuasa harta pusaka kecil di bawah Akta Harta Pusaka Kecil (Pembahagian) 1955 [Akta 98]. Bidang kuasa jabatan ini merujuk harta pusaka tidak berwasiat di bawah nilai keseluruhan tidak melebihi RM5 juta. Ketiga, Amanah Raya Berhad yang berbidang kuasa dalam pembahagian harta pusaka ringkas (harta alih sahaja) di bawah Akta Perbadanan Amanah Raya 1995 [Akta 532]. Bidang kuasa ARB ialah pentadbiran harta pusaka yang mengandungi harta alih sahaja dengan nilai keseluruhan tidak melebihi RM600,000. Menerusi

ketiga-tiga agensi ini, mahkamah tinggi merupakan badan kehakiman di bawah kuasa bebas (judiciary), manakala JKPTG merupakan jabatan di bawah Kerajaan Persekutuan dan Amanah Raya Berhad pula adalah Syarikat Pelaburan Berkaitan Kerajaan. Oleh itu, selain menentukan, sama ada harta pusaka si mati yang ditinggalkan mempunyai wasiat atau tidak, pemilihan prosiding pentadbiran mana-mana harta pusaka turut bergantung pada jenis harta dan nilai keseluruhan mengikut bidang kuasa agensi terlibat. Jadual 1 menunjukkan bidang kuasa agensi pentadbiran harta pusaka di Malaysia di bawah perundangan persekutuan.

Setiap permohonan atau petisyen pembahagian harta pusaka yang dikemukakan di mana-mana agensi tersebut dirujuk kepada Bahagian Daftar Kuasa Mati, Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur (MTKL) yang berperanan untuk menyemak, sama ada terdapat permohonan atau petisyen terdahulu yang pernah dimasukkan atas harta pusaka si mati. Semakan ini dilakukan untuk mengelakkan pertindihan bidang kuasa antara ketiga-tiga agensi yang berbidang kuasa mendengar permohonan pentadbiran harta pusaka si mati. Sekiranya terdapat permohonan atau petisyen terdahulu yang dikemukakan di mana-mana agensi, permohonan atau petisyen yang terdahulu di agensi yang terawal tersebut dirujuk semula, sementara permohonan atau petisyen yang terkemudian dibatalkan.

Peratusan penerimaan permohonan daripada ketiga-tiga agensi yang menguruskan pentadbiran harta pusaka di Semenanjung Malaysia menunjukkan bahawa JKPTG mencatatkan jumlah tertinggi berbanding yang lain. Statistik yang diperolehi bagi kajian ini dalam tempoh tiga tahun (2023–2025) menunjukkan dapatan 56% (2023), 54% (2024) dan 60% (2025). Malah, sehingga Ogos 2025, JKPTG merekodkan sebanyak 50,382 permohonan kes yang telah diterima dan diproses, iaitu hampir 60% daripada jumlah permohonan keseluruhan.

Daripada dapatan data ini, dapat disimpulkan bahawa rakyat Malaysia menggunakan perkhidmatan pembahagian harta pusaka yang diberikan oleh pihak kerajaan melalui JKPTG secara langsung. Oleh itu, kajian ini dilakukan untuk membincangkan mekanisme pembahagian harta pusaka di Malaysia, khususnya bagi pembahagian harta pusaka kecil yang digunakan secara umum terhadap harta pusaka si mati Islam dan si mati bukan Islam, dan sama ada mekanisme sedia ada ini mencukupi untuk menyelesaikan isu berbangkit dalam pentadbiran harta pusaka. Selain itu, objektif kajian adalah untuk meneliti kebolehlaksanaan pembahagian mengikut konteks perancangan harta pusaka orang Islam, seperti wasiat, hibah dan harta sepencarian, yang terkait dengan hukum syarak mengikut pentadbiran statut umum ini.

KAJIAN LEPAS

Walaupun terdapat sumber perundangan yang jelas dalam pentadbiran harta pusaka di Malaysia, media sering menonjolkan realiti permasalahan yang berlaku dan persepsi mengenai kesukaran untuk mengurus pembahagian harta pusaka (Mohd Azlim Zainury, 2025; Raja Noraina Raja Rahim, 2020). Antara isu dan konflik dalam pentadbiran harta pusaka yang dirumuskan daripada kajian terdahulu termasuklah kekeliruan perundangan, kekurangan kesedaran, ketiadaan pengetahuan, serta aspek sosial dan kekeluargaan (Jasni Sulong, 2016; Md Yazid Ahmad et al., 2018; Wan Nur Aina Mardhiah Wan Rushdan et al., 2021). Walau bagaimanapun, didapati bahawa kefahaman dalam kaedah dan prosiding pembahagian harta pusaka itu sendiri masih kurang diketengahkan dan diberikan perhatian yang sewajarnya.

Kajian lepas yang berkaitan dengan pentadbiran dan pengurusan harta pusaka kecil di Malaysia menunjukkan bahawa isu ini merupakan bidang yang kompleks, serta melibatkan aspek perundangan, institusi dan kefahaman Masyarakat (Siti Fadhilah Ghazali et al., 2024). Dari sudut struktur pentadbiran daripada kajian lepas, sistem pengurusan harta pusaka di Malaysia melibatkan pelbagai agensi, seperti mahkamah tinggi sivil, Amanah Raya Berhad dan Bahagian Pembahagian Pusaka di Jabatan Ketua Pengarah Tanah dan Galian (JKPTG). Pembahagian bidang kuasa ini bergantung pada jenis dan nilai harta pusaka yang ditinggalkan oleh si mati (Akmal Hidayah Halim, 2018), sekali gus mewujudkan sistem yang berlapis dan kompleks (Nur Fadlin Roslan & Azlin Alisa Ahmad, 2022). Keadaan ini sering menimbulkan kekeliruan dalam kalangan waris kerana prosedurnya yang berbeza-beza dan keperluan dokumentasi yang pelbagai (Resali Muda, 2016).

Antara isu utama yang sering dibincangkan dalam literatur kajian lepas termasuklah proses pentadbiran harta pusaka. Hasil kajian lepas juga menunjukkan bahawa terdapat peningkatan jumlah harta tidak dituntut di Malaysia yang mencecah puluhan bilion ringgit yang berpunca daripada kelewatan proses dan sikap waris yang tidak proaktif (Akmal Hidayah Halim et al., 2025; Muhamad Mu'izz Abdullah & Ahmad Mustapha Mat Ali, 2023). Kelewatan ini bukan sahaja memberikan kesan terhadap ekonomi negara, malah menimbulkan konflik dalam kalangan ahli waris serta pembekuan aset yang sepatutnya dapat dimanfaatkan (Nur Fadlin Roslan & Azlin alisa Ahmad, 2022). Selain itu, tahap kesedaran dan pengetahuan masyarakat mengenai pengurusan harta pusaka juga didapati masih rendah. Kekurangan pemahaman tentang prosedur, hukum faraid

dan kepentingan perancangan awal menyebabkan banyak waris gagal mengurus pusaka dengan cekapnya. Hal ini turut menyebabkan masalah, seperti pertikaian antara waris, kegagalan untuk mengenal pasti aset dan penangguhan pembahagian harta.

Isu lain yang diketengahkan ialah kewujudan tanah pusaka terbiar. Hasil kajian menunjukkan bahawa banyak tanah pusaka tidak diusahakan disebabkan oleh pertindihan pemilikan, ketiadaan persetujuan antara waris dan kesukaran dalam proses pindah hak milik (Jaiya Abu et al., 2022). Situasi ini bukan sahaja menjejaskan nilai ekonomi tanah, tetapi juga menghalang pembangunan dan penggunaan sumber secara optimum. Dari perspektif perundangan, pindaan Akta Harta Pusaka Kecil (Pembahagian) 1955 [Akta 98] dilihat sebagai langkah penting untuk menambah baik sistem sedia ada. Pindaan ini dilakukan untuk mempercepat proses pentadbiran, memperluas bidang kuasa dan memperkenalkan penggunaan teknologi, seperti permohonan secara elektronik (Muhammad Amrullah Drs Nasrul et al., 2023; Muhamad Mu'izz Abdullah & Ahmad Mustapha Mat Ali, 2023). Walau bagaimanapun, cabaran dalam pelaksanaannya masih wujud, khususnya dari segi penyelarasan antara agensi dengan penerimaan masyarakat.

Kesimpulannya, sorotan kajian lepas menunjukkan bahawa isu pentadbiran harta pusaka kecil di Malaysia bukan sahaja melibatkan faktor sikap dan pengetahuan masyarakat dalam perkara ini, tetapi juga melibatkan kekurangan pengetahuan berkenaan dengan proses dan mekanisme pembahagian harta pusaka yang ditadbir oleh agensi berkenaan. Oleh itu, pendekatan holistik yang merangkumi penambahbaikan dasar dan pendidikan kepada masyarakat adalah penting bagi memastikan pengurusan harta pusaka kecil dapat dilaksanakan secara lebih berkesan dan adil.

METODOLOGI

Bagi mencapai objektif kajian, metodologi yang digunakan berbentuk kualitatif dalam doktrin kajian undang-undang daripada sumber primer dan sumber sekunder. Sumber primer terdiri daripada statut perundangan, iaitu akta dan peraturan, serta rang undang-undang, manakala data sekunder yang dirujuk melibatkan makalah, jurnal, kes mahkamah, prosiding dan maklumat daripada laman sesawang agensi.

Selain itu, agensi kerajaan, iaitu Pejabat Pembahagian Pusaka di bawah Jabatan Ketua Pengarah Tanah dan Galian Persekutuan (JKPTG) dipilih secara khusus berdasarkan peranannya sebagai pelopor purata

peratusan permohonan pembahagian harta pusaka di Malaysia. Temu bual turut dilakukan bersama-sama dengan dua orang Pegawai Pembahagian Harta Pusaka, iaitu Ketua Penolong Pengarah dari Bahagian Pengurusan Pusaka, JKPTG Ibu Pejabat di Putrajaya dan Ketua Penolong Pengarah dari Pejabat Pembahagian Pusaka Seremban, Cawangan Negeri Sembilan. Tujuan temu bual adalah untuk mendapatkan sumber yang berbeza-beza antara kedua-duanya walaupun mewakili agensi yang sama dalam kajian ini, termasuklah isu yang berkaitan dengan sudut pandang syariah. Dalam kajian ini, temu bual separa berstruktur dipilih bagi membolehkan pengumpulan data yang lebih fleksibel dan mendalam berdasarkan pengalaman responden. Seterusnya, bagi memastikan keabsahan dan kebolehpercayaan dapatan, triangulasi dilakukan melalui penggunaan pelbagai sumber data, termasuklah hasil temu bual yang disokong oleh analisis dokumen dan rujukan kes.

ANALISIS KAJIAN

Mekanisme pembahagian dalam pentadbiran harta pusaka kecil yang ditentukan oleh Pegawai Pembahagian Pusaka perlu bersandarkan pemakaian undang-undang diri si mati, iaitu merujuk agama yang dianuti oleh si mati. Pemilihan mekanisme pembahagian ini dilakukan berdasarkan Seksyen 12(7) Akta Harta Pusaka Kecil (Pembahagian) 1955 [Akta 98] yang memperuntukkan kuasa Pegawai Pembahagian Pusaka untuk memutuskan undang-undang yang terpakai bagi menentukan waris yang layak mewarisi harta, kadar syer yang akan diwarisi, termasuklah kepentingan setiap pihak yang terlibat dalam harta pusaka si mati.

Bagi pembahagian harta pusaka tidak berwasiat si mati yang beragama Islam, faraid dipilih berdasarkan al-Quran dan sunah Rasulullah SAW. Faraid merupakan sistem pewarisan undang-undang Islam yang merujuk waris yang berhak mewarisi dan kadar bahagian yang dapat diwarisi. Penentuan kadar dan penerima bahagian merupakan ketetapan yang telah digariskan oleh al-Quran dan tidak boleh diubah. Dalam hal ini, setiap waris mempunyai hak tertentu yang ditetapkan oleh Allah SWT. Walaupun faraid ini secara khusus tidak dikanunkan dalam mana-mana undang-undang bertulis di Malaysia, pelaksanaannya dilakukan secara berkesan di semua mahkamah syariah bagi menjamin hak waris mengikut hukum pewarisan orang Islam (Hani Kamariah Mat Abdullah et al., 2020). Bagi si mati yang bukan beragama Islam dan tidak berwasiat, pembahagian dalam pewarisan bagi waris yang layak dilakukan berdasarkan Akta Pembahagian 1958 [Akta 300].

Di samping itu, prosedur pendaftaran hak milik bagi maksud turun milik akibat kematian dinyatakan dalam Bahagian 22 Kanun Tanah Negara [Akta 828] (KTN) melalui Seksyen 346(1) dan Seksyen (2), serta Seksyen 348. Seksyen 346 merujuk penerimaan perintah atau geran probet dan pentadbiran di bawah Akta Probet dan Pentadbiran 1959 [Akta 97], manakala Seksyen 348 merujuk perintah yang dikeluarkan di bawah Akta Harta Pusaka Kecil (Pembahagian) 1955 [Akta 98]. Seterusnya, menerusi Pekeliling Ketua Pengarah Tanah dan Galian Bil. 7/2017, Pentadbir Tanah dinasihat dalam isu pendaftaran bagi maksud pemindahan pindah milik atau turun milik hartanah yang melibatkan isu kematian kepada tuan tanah agar mematuhi perintah pembahagian yang dikeluarkan berdasarkan Akta Probet dan Pentadbiran 1959 [Akta 97] dan Akta Harta Pusaka Kecil (Pembahagian) 1955 [Akta 98] sahaja. Sungguhpun demikian, realiti semasa dalam pengurusan harta pusaka turut melibatkan keperluan rujukan kepada mahkamah syariah yang sering terkait dengan konflik perundangan tanah, apatah lagi apabila melibatkan isu tuntutan pendaftaran yang belum disempurnakan, seperti pengesahan atau tuntutan dalam hibah/wasiat/harta sepencarian dan sebagainya yang dilakukan di mahkamah syariah, namun nama pemilikan dalam hak milik (pendaftaran tanah) belum ditukar kepada penerima (Rabiah Muhammad Serji, 2017). Malah, dapatan kajian Rabiah Muhammad Serji dan Rohimi Shapiee (2018) dalam isu hibah menunjukkan keperluan pengecualian bagi prinsip hak milik tidak boleh disangkal dalam KTN, khususnya bagi konteks penarikan balik hibah dalam klausa pengecualian. Hal ini adalah untuk memastikan kedudukan mahkamah syariah sebagai badan yang berbidang kuasa dalam hibah hartanah orang Islam dapat dilaksanakan.

Seterusnya, menurut Nor Haslina Husin (2025), secara umumnya, terdapat beberapa jenis perintah yang dapat dikeluarkan dalam prosiding harta pusaka kecil, namun perintah yang merujuk pembahagian harta pusaka ialah perintah pembahagian terus (Borang E), perintah lantikan pentadbir/surat kuasa mentadbir (Borang F) dan perintah lanjutan (Borang T). Pegawai Pembahagian Pusaka akan memutuskan kaedah pembahagian bagi suatu kes yang didengar berdasarkan Seksyen 13, Akta Harta Pusaka Kecil (Pembahagian) 1955 [Akta 98]. Pegawai ini akan mengambil kira keperluan pembayaran hutang atau apa-apa yang difikirkan perlu dibayar terlebih dahulu daripada bahagian harta pusaka si mati sebelum membahagikan bakinya kepada waris yang berhak. Antaranya termasuklah yang melibatkan tebus bahagian Baitulmal dalam harta pusaka si mati Islam dan pelantikan penjaga atau pemegang amanah bagi waris bawah umur (minor) atau waris yang tidak sempurna akalunya. Seterusnya, berdasarkan

Seksyen 15(1), Akta Harta Pusaka Kecil (Pembahagian) 1955 [Akta 98], Pegawai Pembahagian Pusaka tersebut perlu berpuas hati terlebih dahulu bahawa semua perkara berbangkit dan segala tuntutan atas harta si mati telah diselesaikan. Setelah itu, baharulah pembahagian dilakukan kepada waris yang telah dikenal pasti berhak terhadap pusaka si mati mengikut bahagiannya, sama ada menggunakan perkiraan faraid atau pembahagian dalam Akta Pembahagian 1959 [Akta 300]. Walaupun demikian, sekiranya terdapat keadaan apabila waris menyatakan persetujuan bersama untuk melaksanakan kaedah pembahagian yang selainnya, kaedah itu juga dibenarkan selagi persetujuan tersebut tidak menjejaskan waris lain yang berkepentingan, seperti waris bawah umur atau waris yang tidak sempurna akalnya. Dalam keadaan ini, hak waris ini masih perlu dikekalkan atau waris itu perlu mendapat bahagian yang lebih baik daripada yang diperuntukkan dari segi undang-undang jika persetujuan bersama tersebut dilaksanakan berdasarkan Subseksyen 15(2) Akta Harta Pusaka Kecil (Pembahagian) 1955 [Akta 98].

Perintah Pembahagian atau Turun Milik

Pembahagian terus yang dilakukan berdasarkan perintah pembahagian dalam Borang E mengikut Peraturan 7(1) Peraturan-peraturan Harta Pusaka Kecil (Pembahagian) 1955 merupakan perintah turun milik bagi harta pusaka si mati yang disenaraikan dalam petisyen pembahagian (Borang A) Seksyen 8, Akta Harta Pusaka Kecil (Pembahagian) 1955 [Akta 98]. Bagi pembahagian harta yang belum diselesaikan dalam petisyen awal atau yang melibatkan harta ketinggalan yang dikemukakan dalam permohonan berikutnya (Borang P) berdasarkan Seksyen 17 Akta Harta Pusaka Kecil (Pembahagian) 1955 [Akta 98], perintah turun milik harta berkenaan dikeluarkan melalui perintah lanjutan dalam Borang T, subperaturan 12(4) Peraturan-peraturan Harta Pusaka Kecil (Pembahagian) 1955. Selain itu, menerusi Akta Harta Pusaka Kecil (Pembahagian) (Pindaan) 2022 [Akta A1643] prosiding baharu diperuntukkan di bawah Seksyen 8B pembahagian harta pusaka ringkas yang melibatkan tiga kategori harta. Pertama, petisyen permohonan (pemohonan awal dalam Seksyen 8) yang mengandungi harta alih sahaja dengan nilai tidak melebihi RM600,000. Kedua, permohonan berikutnya (Seksyen 17) bagi harta ketinggalan yang mengandungi harta alih sahaja, termasuklah harta alih dalam petisyen terdahulu yang tidak melebihi jumlah RM600,000 keseluruhannya. Ketiga, permohonan berikutnya (Seksyen 17) untuk membatalkan pemegang amanah bagi waris minor yang telah cukup umur. Hasil prosiding ini merujuk perintah pembahagian ringkas. Perintah pembahagian yang boleh

dikeluarkan ialah perintah pembahagian (Borang E) atau perintah lanjutan (Borang T), tertakluk pada yang berkaitan, sama ada dalam petisyen permohonan awal atau dalam permohonan berikutnya (Nor Haslina Husin, 2025).

Perintah Lantikan Pentadbir atau Surat Kuasa Mentadbir

Pengurusan harta pusaka juga sering berhadapan dengan isu berbangkit yang memerlukan penyelesaian sebelum pembahagian terus atau turun milik harta terlibat boleh dilaksanakan. Antara isu yang timbul termasuklah hak milik yang belum disempurnakan bagi pemilikan si mati, harta yang masih dalam gadaian, harta yang masih dalam proses jual-beli antara si mati dengan pihak yang terlibat, tuntutan dan penyelesaian hutang atau liabiliti harta, tuntutan terhadap harta pusaka si mati, sama ada dalam perkara bidang kuasa mahkamah syariah atau tindakan sivil, dan pelbagai lagi (Nor Haslina Husin, 2025).

Selain itu, Pegawai Pembahagian Pusaka turut mempunyai kuasa untuk mengeluarkan perintah lantikan pentadbir atau surat kuasa mentadbir melalui Borang F berdasarkan Seksyen 13, Akta Harta Pusaka Kecil (Pembahagian) 1955 [Akta 98] jika perlu berdasarkan situasi kes, sama ada secara bersama-sama dengan pembahagian terus harta yang dapat dibahagikan atau secara berasingan dengan syarat yang diberikan. Oleh hal yang demikian, bergantung pada keperluan kes, terdapat keadaan yang melibatkan lantikan pentadbir sahaja atau keadaan yang melibatkan kombinasi dengan perintah pembahagian dikeluarkan. Jika terdapat sebahagian harta yang boleh dibahagikan, sebahagian harta yang lain masih terdapat isu yang dipertikaikan. Harta yang boleh dibahagikan akan diurus melalui perintah pembahagian, manakala harta yang dipertikaikan akan diurus melalui lantikan pentadbir. Dalam keadaan ini, harta tersebut masih belum dapat dibahagikan dan diletakkan di bawah pengurusan pentadbir yang dilantik sehingga suatu tempoh atau penyelesaian diperoleh daripada autoriti yang bersabit terhadap harta tersebut (Kamariah Dzafrun Kamarul Baharin, 2025).

Pelantikan pentadbir atau surat kuasa mentadbir juga termasuk dalam isu harta pusaka yang memerlukan penyempurnaan kontrak atau pengesahan pemilikan harta si mati. Sebagai contoh, isu pengeluaran hak milik strata yang masih belum disempurnakan. Petisyen permohonan bagi harta si mati yang dikemukakan dilakukan berdasarkan kepentingan si mati sebagai pembeli dalam Surat Perjanjian Jual-Beli dengan pihak pemaju. Oleh sebab pemilikan si mati terhadap unit strata masih belum sempurna dan hanya berdasarkan kepentingan, terdapat tindakan yang

perlu dilaksanakan oleh pentadbir yang dilantik, iaitu mengurus pindah milik daripada pihak pemaju sehingga pendaftaran pentadbir tersebut dalam hak milik strata (Kamariah Dzafrun Kamarul Baharin, 2025). Seterusnya, berdasarkan Subseksyen 17(3) Akta Harta Pusaka Kecil (Pembahagian) 1955 [Akta 98], permohonan berikutnya bagi pembatalan pentadbir dapat dilakukan bagi proses turun milik kepada benefisiari si mati yang akan menerima pemilikan harta tersebut.

Di samping itu, dalam usaha menambah baik perkhidmatan untuk memudahkan rakyat, Akta Harta Pusaka Kecil (Pembahagian) (Pindaan) 2022 [Akta A1643] turut memperuntukkan prosiding baharu melalui Seksyen 8C yang merujuk perintah lantikan pentadbir sementara. Peruntukan baharu ini bertujuan untuk memberikan autoriti kepada pentadbir sementara bagi maksud memperoleh maklumat daripada mana-mana institusi atau pihak yang berkaitan mengenai butiran harta si mati. Sebelum peruntukan baharu ini diwujudkan, biasanya, apabila berlaku kematian pemilik yang melibatkan wang simpanan, akaun si mati dibekukan sehingga pihak perbankan menerima perintah pembahagian atau surat kuasa mentadbir atau geran probet. Dalam proses pentadbiran harta pusaka si mati tersebut, keadaan butiran harta atau status dan nilai akaun terkini gagal diperoleh sering berlaku kerana maklumat tersebut tidak dapat dikeluarkan oleh pihak perbankan kepada benefisiari atas dasar privasi dan seumpamanya. Tanpa nilai semasa dan butiran lengkap ini, tuntutan harta si mati dalam perkara ini gagal dilaksanakan dan memerlukan tindakan susulan diperlukan dalam permohonan berikutnya bagi harta tersebut sahaja. Oleh hal yang demikian, peruntukan Surat Kuasa Mentadbir Sementara ini dimasukkan dengan memberikan autoriti perundangan yang diperlukan supaya pentadbir yang dilantik mempunyai keupayaan dari segi undang-undang untuk mendapatkan kesahihan butiran pemilikan harta si mati apabila berurusan dengan agensi yang berkaitan, sebelum dimasukkan dalam senarai harta pusaka yang perlu dibahagikan. Surat kuasa mentadbir sementara akan dikeluarkan melalui Borang FA berdasarkan Subperaturan 6C(2) Peraturan-peraturan Harta Pusaka Kecil (Pembahagian) 1955.

Perintah Jualan

Selain daripada perintah pembahagian dan surat kuasa mentadbir, menurut Kamariah Dzafrun Kamarul Baharin (2025), terdapat juga keadaan bagi suatu harta pusaka si mati yang memerlukan kaedah penjualan dan hasilnya dibahagikan kepada benefisiari yang berhak. Hal ini dilakukan, sama ada mengikut pembahagian secara faraid (bagi orang Islam) atau

secara pembahagian mengikut Akta Pembahagian 1958 [Akta 300] (bagi orang bukan Islam), atau pemilihan pembahagian mengikut muafakat atas persetujuan antara benefisiari.

Keperluan perintah penjualan harta si mati biasanya melibatkan keadaan apabila didapati tiada tunai yang mencukupi daripada senarai harta untuk membayar tuntutan hutang. Dalam keadaan ini, Pegawai Pembahagian Pusaka mempunyai kuasa untuk mengeluarkan perintah jualan sebahagian atau keseluruhan harta pusaka si mati berdasarkan Subseksyen 13(1) Akta Harta Pusaka Kecil (Pembahagian) 1955 [Akta 98]. Hal ini dilakukan dengan mencairkan harta bagi tujuan melunaskan tuntutan liabiliti terhadap harta pusaka si mati sebelum bakinya (jika ada) dibahagikan kepada waris. Selain itu, Subseksyen 15(4)(c) dan (d) Akta Harta Pusaka Kecil (Pembahagian) 1955 [Akta 98] dan Peraturan 16A atau Peraturan 16B, Peraturan-peraturan Harta Pusaka Kecil (Pembahagian) (Pindaan) 2024 turut menggariskan kaedah permohonan kebenaran untuk menjual harta dalam permohonan berikutnya. Hal ini melibatkan tender dalam kalangan benefisiari yang diutamakan untuk penjualan harta si mati sekiranya terdapat lebih daripada seorang benefisiari yang berkeinginan untuk membeli harta tersebut. Jika tiada, barulah tender itu dibuka kepada pihak ketiga.

Seterusnya, skop perintah jualan juga dikembangkan dalam Akta Harta Pusaka Kecil (Pembahagian) (Pindaan) 2022 [Akta A1643] dengan pengenalan prosiding persetujuan majoriti dua pertiga bahagian melalui Seksyen 15(4A) dan (4B). Persetujuan sekurang-kurangnya dua pertiga bahagian benefisiari si mati diperlukan dalam keadaan permohonan kebenaran jualan harta pusaka si mati boleh dilakukan. Peruntukan baharu ini penting untuk menjamin semua benefisiari yang berhak agar dapat menikmati hasil penjualan secara saksama dan mengelakkan sebahagian waris sahaja yang memperoleh faedah daripada harta si mati dalam keadaan waris gagal mencapai persetujuan bersama atau tidak bermuafakat dalam isu pembahagian. Konsep ini diketengahkan bagi menjaga masalah yang lebih besar dan mengelakkan pergaduhan berpanjangan dalam kalangan waris tanpa menyelesaikan pembahagian harta pusaka si mati. Malah, dari sudut pusaka orang Islam, kaedah ini dapat mengelakkan pemerolehan faedah bagi sesetengah pihak sahaja atau memakan harta yang bukan hak secara batil. Menerusi peraturan baharu 16BA(1) dan (2) Peraturan-peraturan Harta Pusaka Kecil (Pembahagian) (Pindaan) 2024, keutamaan penjualan harta tersebut turut diberikan terlebih dahulu kepada waris yang tidak bersetuju. Jika waris tersebut masih menolaknya, perintah jualan diteruskan berdasarkan persetujuan dua pertiga bahagian dalam kalangan waris. Hasil penjualan, kemudiannya dibahagikan berdasarkan

undang-undang perwarisan yang ditetapkan, sama ada mengikut faraid (bagi orang Islam) atau Akta 300 (bagi orang bukan Islam) atau terpakai bagi persetujuan bersama yang ada.

Keperluan untuk Mendapatkan Perintah Mahkamah Syariah

Sistem perundangan di Malaysia mengamalkan dwiperundangan yang melibatkan keperluan rujukan hukum syarak di bawah bidang kuasa mahkamah syariah negeri-negeri di bawah Senarai II Perlembagaan Persekutuan. Hal ini memerlukan pengesahan atau perintah bagi isu berbangkit yang menjadi suatu keperluan untuk diselesaikan terlebih dahulu dalam pentadbiran harta pusaka.

Menurut Nor Haslina Husin (2025), antara isu yang melibatkan keperluan pengesahan atau perintah mahkamah syariah dalam pengurusan harta pusaka si mati Islam termasuklah pengesahan nasab, pengesahan perkahwinan, tuntutan harta sepencarian, isu kesahihan atau kesahan dokumentasi hibah, wasiat atau wakaf. Selain itu, terdapat juga isu bidang kuasa antara undang-undang yang digunakan sebagai statut pemakaian bersama dengan perintah yang dikeluarkan oleh mahkamah syariah yang melibatkan penentuan pembahagian harta pusaka atau pemilik harta yang telah meninggal dunia. Dalam perkara ini, interpretasi undang-undang yang menentukan pembahagian yang merupakan bidang kuasa persekutuan telah dijelaskan melalui kes mahkamah. Dengan merujuk kes *Jumaaton dan Raja Delila lwn. Raja Hizaruddin* [1998] 6 MLJ 556, mahkamah rayuan syariah memutuskan bahawa mahkamah syariah tidak berbidang kuasa dalam perkara probet dan surat kuasa mentadbir kerana perkara probet dan surat mentadbir pusaka terletak di bawah Senarai Kuasa Perundangan Persekutuan. Oleh itu, badan perundangan negeri tidak mempunyai kuasa untuk menggubal undang-undang dalam perkara tersebut dan tidak boleh memperuntukkan bidang kuasa kepada mahkamah syariah untuk memutuskan hal probet dan pentadbiran (Resali Muda, 2016). Penghakiman duluan yang diputuskan oleh Mahkamah Agung dalam kes *Mohamed Habibullah bin Mahmood lwn. Faridah binti Dato' Talib* [1992] 2 MLJ 793 turut dirujuk. Dalam kes ini, dinyatakan bahawa walaupun pentadbiran pusaka merupakan bidang kuasa persekutuan yang tidak dikecualikan bagi orang Islam, pembahagian harta pusaka si mati masih mengikut undang-undang diri si mati. Dalam hal ini, orang Islam hendaklah menggunakan perundangan Islam, iaitu faraid, secara prinsipnya. Duluan ini turut dikembangkan dalam kes *Latifah bte Mat Zin lwn. Rosmawati bte Sharibun & satu lagi* [2007] 5 MLJ 101. Dalam hal ini, mahkamah persekutuan mengekalkan keputusan mahkamah rayuan dalam

pertikaian kes ini yang melibatkan wang dalam akaun bersama antara si mati dengan perayu di institusi perbankan. Mahkamah persekutuan memutuskan bahawa isu pertikaian mengenai suatu hibah atau pemberian alang semasa hidup antara orang Islam bukanlah suatu perkara probet dan pentadbiran yang menjadikan perkara ini berada di bawah bidang kuasa mahkamah syariah. Namun begitu, pendekatan yang agak berbeza berlaku dalam kes *Azzaharuddin bin Mohd Nadzir lwn. Nordin bin Mohd Nazir & Lain-lain* [2009] 4 *ShLR* 106. Dalam kes ini, mahkamah tinggi syariah memutuskan bahawa mahkamah syariah tiada bidang kuasa untuk mendengar dan memutuskan isu pengisytiharan sesuatu harta sebagai harta pusaka. Hal ini dikatakan demikian kerana tiada peruntukan yang jelas dalam mana-mana undang-undang yang terpakai bagi mahkamah syariah melainkan penentuan mengenai orang yang berhak terhadap bahagian harta pusaka si mati yang beragama Islam. Hal ini termasuklah bahagian yang berhak diterima oleh setiap waris melalui pengeluaran perintah atau sijil faraid.

Oleh hal yang demikian, penentuan mekanisme pembahagian dalam pentadbiran harta pusaka kecil memerlukan autoriti pengesahan atau perintah mahkamah syariah sekiranya terdapat isu berbangkit yang melibatkan hukum syarak. Antaranya termasuklah penentuan waris, kadar bahagian masing-masing mengikut hukum faraid, tuntutan harta sepencarian, pertikaian atau pengesahan wasiat, hibah, wakaf dan nazar. Mahkamah syariah merupakan pihak berautoriti yang boleh memutuskan undang-undang khusus yang terpakai dalam kes orang Islam sebelum suatu perintah pembahagian harta pusaka itu dikeluarkan oleh Pejabat Pembahagian Pusaka (Nor Haslina Husin, 2025). Walau bagaimanapun, keperluan yang merujuk pemakaian dwisistem perundangan dalam pentadbiran pusaka ini dapat menyebabkan penyelesaian kes memerlukan masa yang lama dan kos yang lebih tinggi. Namun begitu, prosiding berganda ini merupakan satu-satunya pilihan yang ada dalam isu pertikaian harta pusaka yang melibatkan hukum syarak di negara ini (Rusnadewi Abdul Rashid & Noor Inayah Yaakob, 2011). Oleh itu dalam pemilihan perancangan harta, perlu dipastikan bahawa pelaksanaannya, termasuklah isu yang berkaitan, selari dengan kehendak hukum syarak agar tidak bertentangan dengan prinsip syariah yang boleh membatalkan instrumen dan yang lebih teruk lagi dapat menafikan hak penerima atau waris (Rosmiza Ismail, 2020).

Rujukan dalam Isu Undang-undang Adat

Selain rujukan terhadap isu hukum syarak di mahkamah syariah, pentadbiran harta pusaka kecil sering terkait dengan isu perundangan adat native law apabila melibatkan pemilihan tanah adat dalam pendaftaran harta

tidak alih/hartanah yang dipegang oleh si mati. Seksyen 19 Akta Harta Pusaka Kecil (Pembahagian) 1955 [Akta 98] memperuntukkan bahawa sebarang isu yang melibatkan undang-undang Islam, mahupun adat Melayu atau undang-undang adat atau anak watan Sabah atau anak watan Sarawak hendaklah dirujuk kepada autoriti pemerintah negeri berkenaan atau kepada mana-mana pihak yang diberi kuasa atas perkara itu oleh pemerintah negeri yang terlibat.


Menurut Nor Haslina Husin (2025), selain peruntukan dalam akta, perkara yang berkaitan dengan tanah atau isu adat di bawah pentadbiran harta pusaka kecil juga dapat dilihat dalam Perkara III Peruntukan Khusus bagi Negeri Sembilan, dan Perkara IV Peruntukan Khusus bagi Negeri Sabah di bawah Akta Harta Pusaka Kecil (Pembahagian) 1955 [Akta 98]. Rujukan perundangan yang berhubung dengan isu tanah adat dapat dilaksanakan oleh mana-mana pegawai pembahagian pusaka jika tanah yang dibicarakan didapati perlu diputuskan terlebih dahulu oleh suatu badan atau autoriti adat negeri. Contohnya, tanah adat mengikut suku adat perpatih dalam pegangan si mati di daerah Kuala Pilah, Jelebu, Rembau atau Tampin di Negeri Sembilan hanya dibicarakan setelah diputuskan oleh pewarisannya oleh jawatankuasa adat dengan kehadiran Buapak atau Undang selaku Ketua Adat dari suku yang berkenaan. Hendun Abdul Rahman et al. (2017) turut menyokong rujukan ini bahawa perkara tanah adat di Negeri Sembilan tetap tertakluk pada peraturan tanah adat, sama ada tanah adat telah didaftarkan sebagai tanah adat atau sebaliknya.

PERBINCANGAN

Urusan pentadbiran bagi pembahagian harta pusaka di Malaysia merupakan tanggungjawab kerajaan persekutuan. Pelaksanaannya melalui Akta Probet dan Pentadbiran 1959 [Akta 97], Akta Harta Pusaka Kecil (Pembahagian) 1955 [Akta 98], atau Akta Perbadanan Amanah Raya 1995 [Akta 532] merupakan statut umum dalam pentadbiran harta pusaka yang terpakai kepada semua individu. Fokus kajian ini menumpukan pentadbiran harta pusaka kecil di bawah Akta Harta Pusaka Kecil (Pembahagian) 1955 [Akta 98], yang majoriti rakyat di Malaysia didapati menggunakan perkhidmatan ini sekiranya pusaka si mati termasuk dalam definisi harta pusaka kecil. Dalam penentuan pembahagian harta pusaka pada akhir prosiding perbicaraan, undang-undang diri si mati dirujuk untuk menentukan mekanisme pembahagian yang bersesuaian mengikut harta yang ditinggalkan dan isu yang terkait dengannya.

Pemilihan mekanisme pembahagian ini berdasarkan undang-undang pewarisan, iaitu mengikut asas hukum faraid bagi orang Islam dan menurut Akta Pembahagian 1958 [Akta 300] bagi orang bukan Islam.

Walau bagaimanapun, tiada halangan bagi waris yang berhak untuk memilih kaedah pembahagian mengikut persetujuan bersama atau lebih dikenali sebagai secara muafakat dalam kalangan waris si mati. Selain itu, terdapat kaedah pembahagian melalui perintah jualan harta dan kaedah penjualan mengikut konsep dua pertiga majoriti. Kaedah penjualan harta si mati ini tidak sesekali menafikan hak waris yang ditentukan dalam undang-undang pewarisan. Pengesahan atau perintah yang diperoleh daripada mahkamah syariah pula diambil kira dan digunakan dalam pembahagian harta pusaka si mati Islam jika terdapat keperluan dari sudut syarak. Harta yang melibatkan undang-undang adat pula dirujuk kepada autoritinya mengenai cara pembahagian harta tersebut. Akhirnya, perintah yang akan dikeluarkan oleh pegawai pembahagian harta pusaka ialah perintah turun milik atau surat kuasa mentadbir, atau kombinasi bagi kedua-duanya mengikut keperluan situasi kes sebagaimana yang ditunjukkan dalam Rajah 1.



Rajah 1 Mekanisme pembahagian dalam pentadbiran harta pusaka kecil.

Dapatan kajian menunjukkan output terakhir proses pembahagian harta pusaka merupakan perintah yang dikeluarkan. Perintah ini merujuk mekanisme yang digunakan berdasarkan peruntukan perundangan sedia ada dalam urusan pentadbiran harta pusaka kecil. Pemilihan mekanisme bergantung pada jenis dan status pemilikan harta, termasuklah isu berbangkit yang perlu diselesaikan terlebih dahulu, sama ada yang timbul dari sudut hukum syarak atau mengikut adat atau yang memerlukan tindakan perundangan berkaitan sebelum harta tersebut dapat dibahagikan.

Namun begitu, secara praktikalnya bagi mengatasi keperluan cabaran semasa, perancangan dalam pembahagian harta semasa hayat pemilik ialah tindakan alternatif yang dapat mempengaruhi mekanisme pembahagian harta pusaka. Hakikat perancangan itu sendiri bertujuan untuk mengelakkan isu berbangkit, seperti pertikaian atau perebutan harta, atau bagi mencapai objektif yang dihasratkan oleh si mati. Contohnya, penyediaan wasiat orang Islam yang diberikan kepada anak angkat yang dikategorikan sebagai bukan ahli waris si mati dengan beberapa tujuan. Pertama, atas dasar kasih sayang untuk menjamin kelangsungan kehidupan anak berkenaan jika masih belum mempunyai kemampuan berdikari sekiranya ditinggalkan oleh ibu atau bapa angkatnya. Kedua, dalam kes penyediaan hibah kepada individu tertentu, namun belum dapat disempurnakan pindah milik harta yang dihibahkan. Ketiga, hasrat untuk harta tertentu diwakafkan bagi memastikan kesinambungan perolehan ganjaran pahala berterusan oleh pemilik harta walaupun setelah meninggal dunia.

Oleh itu, perancangan harta pusaka dengan matlamat tertentu dapat mempengaruhi mekanisme pembahagian dan menunaikan hajat pemilik asal terhadap benefisiari yang ditinggalkan. Akhirnya, perancangan harta yang disediakan tersebut dapat dikuatkuasakan melalui perintah pembahagian harta pusaka si mati, tertakluk pada undang-undang yang berkaitan.

KESIMPULAN

Secara umum, pelaksanaan mekanisme pembahagian dalam pentadbiran harta pusaka kecil berupaya untuk menyelesaikan pelbagai isu berbangkit. Terdapat beberapa mekanisme pembahagian yang dikenal pasti. Pertama, melalui perintah pembahagian turun milik harta kepada waris yang berhak. Kedua, perintah lantikan pentadbir atau surat kuasa mentadbir, perintah jualan atau perintah kebenaran untuk menjual dengan hasilnya dibahagikan

mengikut undang-undang pewarisan atau persetujuan bersama dalam kalangan waris. Ketiga, perintah peletakan hak atau pengesahan yang diperoleh daripada mahkamah syariah sekiranya secara khusus melibatkan isu hukum syarak atau hukum adat.

Sungguhpun demikian, dapatan kajian yang turut menyokong persediaan perancangan pembahagian harta pusaka oleh pemilik ketika hayatnya bagi mencapai sebahagian objektifnya. Selain bertujuan untuk menjaga kebajikan dan masalah waris yang ditinggalkan, perancangan pembahagian yang dilakukan dapat mengelakkan perselisihan atau perebutan harta demi menjaga keharmonian kekeluargaan.

PENGHARGAAN

Pengarang merakamkan penghargaan kepada pihak pengurusan Universiti Islam Antarabangsa Malaysia kerana memberikan sokongan yang sewajarnya dalam penyelidikan ini.

SUMBANGAN PENGARANG

Noor Rashidah Ramli: Konsep dan reka bentuk kajian, selain pengumpulan data, analisis statistik, dan penginterpretasian hasil, penulisan makalah, penyediaan makalah, serta penghantaran manuskrip akhir; Akmal Hidayah Abdul Halim: Bertanggungjawab dalam membantu hala tuju konsep, pengesahan analisis dan hasil, penulisan makalah, serta semakan dan pengesahan makalah akhir.

PERNYATAAN KETERSEDIAAN DATA

1. Data yang menyokong kajian ini tersedia dalam makalah ini.
2. Data yang menyokong kajian ini tersedia daripada pengarang koresponden (Noor Rashidah Ramli) atas permintaan.

PENDANAAN

Penerbitan makalah ini dibiayai oleh Dewan Bahasa dan Pustaka.

PERISYTIHARAN

Konflik kepentingan: Pengarang tidak mempunyai sebarang konflik kepentingan dari segi kewangan dan bukan kewangan untuk diisytiharkan.

RUJUKAN

- Akmal Hidayah Halim. (2018). *Administration of estates in Malaysia: Law and procedure* (ed. ke-2). Sweet & Maxwell Asia.
- Akmal Hidayah Halim, Rahmawati Mohd Yusoff, Azhani Arshad, & Nor Azlina Mohd Noor. (2025). *Unclaimed estates in West Malaysia: A legal analysis and reform proposals on non-administered estates*. *IIUM Law Journal*, 33(2), 39–68. <https://doi.org/10.31436/iiumlj.v33i2.1126>
- Akta Harta Pusaka Kecil (Pembahagian) 1955 [Akta 98] (Pindaan) 2022 [Akta A1643].
- Akta Pembahagian 1958 [Akta 300].
- Akta Perbadanan Amanah Raya Berhad 1995 [Akta 532].
- Akta Probet dan Pentadbiran 1959 [Akta 97].
- Hani Kamariah Mat Abdullah, Suhaimi Ab Rahman, Rasyikah Md. Khalid, & Nurul Aiman Mat Abdullah. (2020). Perkembangan pengurusan dan pentadbiran harta pusaka Islam Malaysia. *BITARA International Journal of Civilizational Studies and Human Sciences*, 3(1), 42–53. <http://www.bitarajournal.com>
- Hendun Abd Rahman Shah, Adzidah Yaakob, & Suraiya Osman. (2017). Dinamika undang-undang tanah adat di Negeri Sembilan: Kajian perkembangan dan isu undang-undang. *Malaysian Journal of Syariah and Law*, 5, 1–12. <https://doi.org/10.33102/mjssl.vol5no1.45>
- Jabatan Ketua Pengarah Tanah dan Galian Persekutuan. (2025) *Pengurusan pembahagian pusaka kecil*. <https://www.jkptg.gov.my/index.php/my/korporat/fungsi-jabatan>
- Jaiya Abu, Fiqiri Hamid, Norhafiza Abdullah, Norhidayah Md. Yunus, & Ainur Zaireen Zainudin. (2022). Cabaran isu tanah pusaka terbiar dan potensi penyelesaian. *Sains Humanika*, 14(3), 49–55. <https://doi.org/10.11113/sh.v14n3.1954>
- Jasni Sulong. (2016). Pengaruh budaya Melayu dalam gelagat pembahagian harta pusaka di Malaysia. *Jurnal Antarabangsa Dunia Melayu*, 9(1), 94–114. <https://ptslldigital.ukm.my/jspui/handle/123456789/578969>
- Kamariah Dzafrun Kamarul Baharin. (2025, 8 September). Temu bual bersama Ketua Penolong Pengarah, Bahagian Pengurusan Pusaka, JKPTG Putrajaya (Ibu Pejabat). [Temu Bual].
- Md Yazid Ahmad, Mohd Nasran Mohamad, Mohd Zamro Muda, Ezad Azraai Jamsari, Wan Zulkifli Wan Hassan, & Mohd Izhar Ariff Mohd Kashim. (2018). Confronting the problem of managing unclaimed inheritance property of Muslims in Malaysia. *International Journal of Civil Engineering and Technology*, 9(4), 1459–1466. <https://doi.org/10.34218/IJCIET.09.4.2018.161>

- Mohd Azlim Zainury. (2025, Februari). Rebut harta pusaka jangan berpanjangan. *Sinar Harian*. <https://www.sinarharian.com.my/article/714986/suara-sinar/analisis-sinar/rebut-harta-pusaka-jangan-berpanjangan>
- Muhammad Amrullah Drs Nasrul, Nurin Athirah Mohd Alam Shah, Rahmawati Mohd Yusoff, & Muhamad Helmi Md Said. (2023). Small Estates (Distribution) Act 1955: Analysis on the 2022 amendment and its effects on inheritance management. *IIUM Law Journal*, 31(2), 207–228. <https://doi.org/10.31436/iiumlj.v31i2.862>
- Muhammad Mu'izz Abdullah, & Ahmad Mustapha Mat Ali. (2023). Implikasi pindaan Akta Harta Pusaka Kecil (Pembahagian) 1955 [Akta 98] terhadap pentadbiran harta pusaka di Malaysia. *Kanun: Jurnal Undang-undang Malaysia*, 35(1), 95–118. [https://doi.org/10.37052/kanun.35\(1\)no5](https://doi.org/10.37052/kanun.35(1)no5)
- Nor Haslina Husin. (2025, 22 September). Temu bual bersama Ketua Penolong Pengarah, Pejabat Pembahagian Pusaka, JKPTG Negeri Sembilan. [Temu Bual].
- Nur Fadlin Roslan, & Azlin Alisa Ahmad. (2022). Pentadbiran harta pusaka dan implikasi negatif harta tidak dituntut. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities*, 7(4), e001453. <https://doi.org/10.47405/mjssh.v7i4.1453>
- Pekeliling Ketua Pengarah Tanah dan Galian Bil. 7/2017 Perintah, Sijil atau Perakuan Faraid Tidak Boleh Digunakan Bagi Tujuan Pendaftaran Turun Milik Harta Pusaka Simati.
- Peraturan-peraturan Harta Pusaka Kecil (Pembahagian) 1955 (Pindaan) 2024.
- Perlembagaan Persekutuan, Jadual 9, Senarai Negeri.
- Perlembagaan Persekutuan, Jadual 9, Senarai Persekutuan.
- Rabiah Muhammad Serji. (2017, 15 November). *Hibah hartanah: Isu dan konflik dalam perundangan di Malaysia*. [Pembentangan Kertas Kerja]. 3rd Muzakarah Fiqh & International Fiqh Conference (3rd MFIFC) 2017. Grand Blue Wave Hotel, Shah Alam, Malaysia.
- Rabiah Muhammad Serji, & Rohimi Shapiee. (2018). Isu dan konflik perundangan dalam hibah hartanah di Malaysia. *Journal of Muwafaqat*, 1(1), 84–101. <http://journal.kuis.edu.my/muwafaqat>
- Raja Noraina Raja Rahim. (2020, September). Kurang ilmu cetus konflik perebutan harta. *Harian Metro*. <https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2020/09/618828/kurang-ilmu-cetus-konflik-perebutan-harta>
- Rang Undang-undang Pindaan Akta Harta Pusaka Kecil (Pembahagian) 1955 [Akta 98] (Pindaan 2021), D.R. 6/2021.
- Resali Muda. (2016). Harta pusaka Islam di Malaysia: Antara perundangan dan pentadbiran. *Malaysian Journal of Syariah and Law*, 4(1), 1–10. <https://doi.org/10.33102/mjssl.vol4no1.13>
- Rosmiza Ismail. (2020). Keperluan deklarasi hibah dan kekangannya dalam perancangan harta orang Islam. *Journal of Contemporary Islamic Law*, 5(2), 77–83. <https://www.ukm.my/jcil/jcil-2020-52-article-7-2/>

- Rusnadewi Abdul Rashid, & Noor Inayah Yaakob. (2011). Konflik bidang kuasa mahkamah dalam hibah, wasiat, wakaf dan pusaka selepas pindaan Perkara 121(1A) Perlembagaan Persekutuan. *Shariah Law Report*, 1, xx-xxxviii.
- Siti Fadhilah Ghazali, Naimah Abu Kasim, & Suharne Ismail. (2024). Isu-isu fiqh semasa dalam pengurusan harta pusaka kecil di Malaysia: A contemporary fiqh issues in small estate management in Malaysia. *Jamalullail Journal*, 3(2), 268–280. <https://www.journaljamalullail.syskuipsv2.my/index.php/journal/article/view/121>
- Wan Nur Aina Mardhiah Wan Rushdan, Mohd Zamro Muda, & Zuliza Mohd Kusrin. (2021). Pembahagian harta pusaka dalam kalangan masyarakat Muslim di Negeri Sembilan: Satu kajian literatur. *Journal of Contemporary Islamic Law*, 6(2), 55–64. <https://www.ukm.my/jcil/jcil-2021-62-article-6-2/>